

# Kerajaan cadang tambah pelajar perubatan

UM 18 JULI 2004  
MELAKA 17 Julai 2004  
Kerajaan bercadang menambah pengambilan pelajar perubatan jika perlu bagi mengatasi masalah kekurangan doktor di luar bandar.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, adalah sukar kerajaan menghantar doktor kerajaan ke luar bandar jika negara mempunyai bilangan doktor yang tidak mencukupi.

Menurut beliau, doktor yang dihantar bertugas di luar bandar biasanya akan meletakkan jawatan untuk bekerja di sektor swasta yang menawarkan gaji lebih lumayan.

"Jadi, kalau ada alternatif yang semacam ini mereka tak mungkin pergi ke luar bandar, sedangkan kita perlukan doktor, untuk berada di luar bandar," kata beliau.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada para pemberita selepas merasmikan Kolej Perubatan Melaka-Manipal (MMMC) di Jalan Batu Hampar, Bukit Baru, di sini hari ini.

MMMC yang diuruskan oleh JVMC Corporation Sdn. Bhd., dibina dengan perbelanjaan sebanyak RM50 juta. Ia menawarkan program ijazah kedoktoran secara berkembar setelah syarikat itu menandatangani perjanjian dengan Akademi Pendidikan Tinggi Manipal (MAHE) di India pada September 1997.

Kolej itu kini mempunyai 700 pelajar di kampus cawangan Melaka dan Manipal, India melalui pengambilan pelajar sebanyak dua kali setahun, iaitu pada Mac dan September.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, adalah sukar untuk kerajaan menarik minat anak tempatan yang bekerja di luar negara kembali bekerja di negara ini.

Ini kerana, kata beliau, pendapatan yang mereka peroleh di luar negara adalah cukup lumayan, selain daripada peluang dan pilihan lain yang lebih menarik.

Sebelum ini laporan menyebut hanya 300 anak tempatan di luar negara yang berminat kembali bertugas di tanah air meskipun banyak insentif yang diberikan kepada mereka.

Dr. Mahathir berkata, walaupun jumlah tersebut adalah kecil, ia adalah lebih baik daripada tidak ada langsung yang menyahut seruan kerajaan itu.